

**RINGKASAN EKSEKUTIF****TAJUK PROJEK: PROJEK SISTEM INFORMASI KAWALAN KUALITI****Nama Kumpulan: QThink****Hospital/PJTJ: MAKMAL KESEHATAN AWAM KOTA KINABALU, SABAH**

Projek Sistem Informasi Kawalan Kualiti (SIKK) ini merupakan suatu usaha proaktif anggota-anggota daripada Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu (MKAKK) bagi mewujudkan sistem pelaporan bagi program kawalan kualiti slaid malaria yang berorientasikan sistem atas talian.

Dengan adanya sistem ini dapat membantu Plan Strategi Eliminasi Malaria Kebangsaan (PSEMK); Strategi 3: pengesanan dan rawatan awal untuk kes malaria, Strategi 4: kesiapsiagaan dan respon kepada wabak malaria dan Strategi 5: komunikasi dan social mobilization untuk kawalan malaria. Antaranya melibatkan perkara-perkara seperti berikut-

1. Pengurangan kos perbelanjaan untuk kawalan wabak.
2. Pengurangan sumber manusia.
3. Aktivi-aktiviti pengurusan.

Sistem ini dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan pusat mikroskopi malaria dan memberikan kebaikan yang sangat ketara dari segi:

1. Masa
2. Sumber manusia
3. Kos (cth penjimatan kertas, ink dll)
4. Mudah dicapai walau dimanapun dan pada bila-bila masa

Dengan adanya sistem ini, kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan ada sebelum ini berjaya diatasi.

Sistem ini akan dijadikan sebagai satu pusat sehenti yang akan mewujudkan beberapa kebaikan iaitu:

1. Keseragaman data
  - i. Laporan lebih sistematik dan seragam.
2. Keselamatan data
  - i. Pengguna dikawal oleh penyelia/ Penyelaras Daerah.
  - ii. ID dan kata laluan diperlukan.
  - iii. Data dikawal oleh seorang admin.
3. Ketepatan data
  - i. Data dan statistik disimpan secara maya.
  - ii. Tidak berlaku kecaciran data.
4. Kebolehcapaian data
  - i. Maklumat boleh diperolehi dengan mudah dan cepat.

Pada umumnya pengwujudan dan pembangunan sistem ini adalah bagi menyokong aspirasi kerajaan bagi membangunkan model pengoperasian kerajaan digital dalam usaha menawarkan penyampaian perkhidmatan digital yang terbaik kepada rakyat. Sistem ini juga boleh dikembangkan untuk menghasilkan statistik mengikut kehendak jabatan/ pemegang taruh.

Rancangan masa hadapan sistem ini juga akan dikembang kepada beberapa program kawalan kualiti seperti berikut:-

1. Kawalan slaid kualiti TIBI.
2. Program kepastian kualiti yang dianjurkan oleh MKAKK.

(300 patah perkataan)